

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [ BATU GAJAH ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian mempergiatkan lagi industri tenusu di negara kita. Bagaimanakah Kerajaan Persekutuan mengadakan kerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membuka dan menyediakan lebih banyak tapak tanah bagi mengembangkan industri ini supaya dapat mengurangkan kadar penggantungan kepada susu yang diimport dari negara lain.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2020, negara masih bergantung kepada pengimportan susu segar kerana tahap sara diri (SSL) yang masih pada kadar 64.2%. MAFI menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran susu segar tempatan sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada susu import.

Di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 2021-2030, susu segar diunjurkan akan meningkat daripada 64.8% pada tahun 2021 kepada 100.0% pada tahun 2030. Bagi menyokong usaha ini, DVS telah melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara

(*Dairy Plan*) 2021 – 2025 yang menggariskan lapan (8) strategi dengan sasaran penambahan 20 juta liter susu segar ke arah mencapai SSL 100%.

Melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), pelbagai inisiatif dan insentif telah dirangka sepanjang tempoh lima (5) tahun seperti berikut:

- (i) Program Peningkatan Pengeluaran Tenusu Negara
- (ii) Memperkuuh perkhidmatan Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT),
- (iii) Skim Rezeki Ternak; dan
- (iv) Program Agropreneur Muda

Kerajaan sentiasa mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mengembangkan lagi industri ini. Dengan kerjasama erat tersebut, DVS telah melaksanakan lima (5) Lembah Tenusu iaitu:

- (i) Lembah Tenusu Muadzam, dibuka pada tahun 2018 dan terletak di sebahagian Pahang, Negeri Sembilan, dan utara Johor;
- (ii) Lembah Tenusu Larut, Matang dan Selama, dibuka pada tahun 2019 dan terletak di Perak;
- (iii) Lembah Tenusu Muallim, dibuka pada tahun 2019 dan terletak di Perak;
- (iv) Lembah Tenusu Bernam, dibuka pada tahun 2019 dan terletak di Selangor; dan
- (v) Lembah Tenusu Utara, dibuka pada tahun 2021 dan terletak di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Selain itu, sebanyak tiga (3) buah lembah tenusu baharu akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima (5) tahun iaitu:

- (i) Lembah Tenusu Selatan dijangka dibuka pada tahun 2022 dan terletak di Johor, Negeri Sembilan dan Melaka;
- (ii) Lembah Tenusu Borneo, dijangka dibuka pada tahun 2023 hingga 2024 dan terletak di Sabah dan Sarawak; dan
- (iii) Lembah Tenusu Pantai Timur dijangka dibuka pada tahun 2025 dan terletak di Kelantan dan Terengganu.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan lembah tenusu di Malaysia berjumlah lapan (8) buah.

Selain itu, MAFI melalui DVS juga telah menyediakan kemudahan infrastruktur kepada penternak untuk aktiviti penternakan lembu tenusu secara intensif melalui pembangunan lima (5) unit kandang di Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) Kluang, Johor bagi memberi sokongan kepada Lembah Tenusu Selatan. Manakala sembilan (9) unit kandang sedang dalam proses pembinaan di TKPR Pondok Tanjung, Perak bagi memberi sokongan kepada Lembah tenusu Utara. Projek ini dijangka dapat menambahkan lagi bilangan pengusaha berskala besar dalam industri penternakan lembu tenusu negara.

Selain kawasan TKPR, sebanyak 68 unit kandang ladang satelit nasional (LSN) juga dibangunkan di kawasan Taman Kekal Pengeluaran makanan (TKPM) bagi kegunaan penternakan lembu secara intensif. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tujuh (7) unit kandang LSN telah diusahakan oleh penternak lembu tenusu iaitu enam (6) di Negeri Sembilan dan satu (1) di Johor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
(BATU GAJAH)**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada cadangan Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-sekolah Tamil yang dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 2014 masih diguna pakai. Selepas 7 tahun pelancaran, minta Kementerian Pendidikan membentangkan laporan pencapaian berdasarkan pelan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan akses pendidikan berkualiti kepada semua murid sekolah di bawah KPM termasuk sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelan ini mengambil kira keperluan pendidikan untuk semua murid dalam kesemua kategori dan jenis sekolah bawah KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-sekolah Tamil merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB) yang disediakan oleh Sekretariat Pelan Tindakan Masyarakat India, Jabatan Perdana Menteri dan kini diselia oleh Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Kementerian Perpaduan Negara.

Oleh yang demikian, laporan mengenai pencapaian pelaksanaan Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-sekolah Tamil seperti yang dinyatakan adalah di bawah pemantauan dan tanggungjawab MITRA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)**  
**DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUNGAI BULOH)**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk jumlah 3048 majikan yang dituduh di Mahkamah untuk kesalahan menggajikan PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) dari tahun 2015 hingga 2019, apakah status kes-kes ini, iaitu berapa diakhiri dengan hukuman denda, hukuman penjara, perintah DNA (dilepaskan dan dibebaskan) dan DNAA (dilepaskan tanpa dibebaskan). Beri angka-angka yang sama untuk tempoh tahun 2020 dan 2021 setakat 30 September untuk tangkapan, pendakwaan, dan status kes-kes yang telah diakhiri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesalahan menggaji pendatang asing tanpa izin (PATI) adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) yang boleh dikenakan hukuman tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap orang PATI yang diambil bekerja. Bagi majikan yang menggaji PATI lebih dari 5 orang boleh dikenakan penjara tidak kurang 6 bulan tetapi tidak lebih 5 tahun dan boleh dikenakan tidak lebih 6 sebatan.

Merujuk kepada soalan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memastikan semua pihak mematuhi tatacara penggajian pekerja asing bagi mengelakkan berlakunya kebanjiran PATI. Bagi majikan yang culas serta mengajikan PATI, golongan ini boleh dikenakan hukuman seperti mana yang telah dinyatakan dalam Akta Imigresen 1959/63.

Khusus untuk tahun 2018, seramai 105 orang majikan telah diambil tindakan di mahkamah atas kesalahan menggaji PATI. Daripada jumlah tersebut, seramai 69 orang majikan dijatuhkan hukuman denda atau penjara, 6 orang majikan lagi dijatuhkan hukuman denda, 5 orang majikan dijatuhkan hukuman dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA), 1 orang majikan dikenakan hukuman penjara dan sebatan, manakala bagi baki 24 orang majikan lagi masih menunggu perbicaraan di mahkamah. Manakala pada tahun 2019 pula, seramai 171 orang majikan telah diambil tindakan di mahkamah atas

## **SOALAN NO: 400**

kesalahan menggaji PATI. Daripada jumlah tersebut, 115 orang majikan dijatuhkan hukuman denda atau penjara, 2 orang majikan lagi dijatuhkan hukuman denda, 5 orang majikan dijatuhkan hukuman dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA), manakala bagi baki 49 orang majikan lagi masih menunggu perbicaraan di mahkamah.

Bagi tahun 2020, 59 orang majikan telah diambil tindakan di mahkamah atas kesalahan menggaji PATI. Daripada jumlah tersebut, 38 orang majikan dijatuhkan hukuman denda atau penjara, 1 orang majikan lagi dijatuhkan hukuman denda, 2 orang majikan dijatuhkan hukuman dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA), manakala bagi baki 18 orang majikan lagi masih menunggu perbicaraan di mahkamah.

Untuk tahun 2021 iaitu sehingga 30 September 2021, seramai 37 orang majikan telah diambil tindakan di mahkamah atas kesalahan menggaji PATI. Daripada jumlah tersebut, 20 orang majikan dijatuhkan hukuman denda atau penjara, 1 orang majikan lagi dijatuhkan hukuman denda, manakala bagi baki 16 orang majikan lagi masih menunggu perbicaraan di mahkamah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)**  
**DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUNGAI BULOH)**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk setiap penjara di Malaysia setakat 30 September 2021, jumlah kapasiti setiap penjara, dan jumlah banduan dan tahanan yang dikurung dan sama ada langkah-langkah yang telah disenaraikan dalam jawapan yang diberi kepada saya di Oktober 2020 berkesan untuk mengurangkan masalah kesesakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 20 Oktober 2021, jumlah banduan yang terdapat di seluruh institusi penjara adalah seramai **67,546** banduan. Jumlah ini telah melebihi kapasiti sebenar iaitu **61,682** banduan.

Berdasarkan pecahan mengikut institusi penjara, terdapat **65** buah institusi penjara kesemuanya di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, **39** buah dikategorikan sebagai penjara manakala **26** buah lagi dikategorikan sebagai Pusat Pemulihan (PPA, PPK, TTK, SHG, PRP). Daripada jumlah keseluruhan tersebut, **23** buah institusi (Penjara dan Pusat Pemulihan) daripadanya direkodkan telah melebihi kapasiti yang sepatutnya.

Berdasarkan statistik lebihan kapasiti banduan pada Oktober 2020, ianya telah merekodkan jumlah sebanyak **43.88%** lebihan. Manakala statistik lebihan kapasiti bagi tahun ini, sehingga Oktober 2021 adalah sebanyak **9.51%** lebihan sahaja. Dalam tempoh satu tahun, statistik tersebut telah menunjukkan trend penurunan lebihan kapasiti yang mendadak setelah pelbagai usaha dan langkah-langkah proaktif telah dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia. Usaha ini juga akan diteruskan dan ditambahbaik dari semasa ke semasa agar masalah kesesakan dan kepadatan penghuni di dalam penjara dapat diatasi dan ditangani dengan lebih berkesan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**  
**DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUNGAI**  
**BULOH)**

## **SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kes-kes kematian dalam lokap polis dalam tempoh 2015 hingga 30 September 2021. Daripada jumlah ini berapa inkues telah dimulakan, berapa telah di selesai dan apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan kes-kes kematian dalam lokap polis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh Januari 2015 hingga September 2021, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah merekodkan sejumlah 606,664 tahanan yang ditahan di lokap-lokap PDRM seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 79 laporan atau 0.09 peratus kes kematian tahanan dalam lokap PDRM direkodkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Mahkamah telah memerintahkan 20 kes dalam prosiding inkues; 17 kes dalam tindakan Timbalan Pendakwaraya; 12 kes masih dalam siasatan; dan 30 kes berstatus '*no further action*'.

Di antara langkah-langkah yang diambil pihak PDRM untuk meminimakan kes-kes kematian tahanan dalam lokap khususnya tahanan yang mengalami masalah kesihatan adalah dengan menyediakan garis panduan (SOP) yang lebih ketat termasuk dalam menguruskan tahanan sakit, rondaan yang lebih kerap di sel pada waktu malam, penyediaan bilik rawatan dan pembantu perubatan serta penambahan anggota polis yang menguruskan tahanan.

Di samping itu, Kementerian sedang dalam proses menambahbaik pengurusan lokap PDRM melalui pewujudan *Custodial Medical Unit* (CMU) di lima (5) Lokap Berpusat PDRM dengan Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang dijadikan sebagai projek rintis. Kementerian turut merancang untuk melaksanakan pemeriksaan kesihatan ke atas tahanan melalui pelantikan panel klinik swasta. Dengan kaedah ini, pemeriksaan tahap kesihatan tahanan dapat dibuat dengan segera sebelum tahanan

**SOALAN NO: 402**

dimasukkan ke dalam lokap.

Selain itu, pemasangan kamera litar tutup atau CCTV di semua lokap balai polis juga sedang dilaksanakan mengikut 5 zon (Utara, Selatan, Timur, Sabah, Sarawak) sebagai penambahbaikan bagi mengatasi isu kematian di dalam tahanan. Projek pemasangan CCTV Lokap PDRM dijangka akan selesai pada akhir tahun ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta KEMENTERIAN KESIHATAN menyatakan:**

- (a) kadar kematian (*mortality rate*) untuk orang-orang yang telah divaksin penuh dengan dua dos apabila dijangkiti COVID-19 dan kadar kematian untuk orang-orang yang tidak divaksin apabila dijangkiti oleh COVID-19; dan
- (b) kadar kematian untuk kategori orang-orang dengan vaksinasi penuh dan tiada vaksinasi yang telah dijangkiti dahulu dan sekarang dijangkiti untuk kali kedua.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut pelaporan kematian COVID-19 Kebangsaan, dari 1 Januari 2021 hingga 1 Disember 2021, bilangan kematian disebabkan oleh jangkitan COVID-19 di Malaysia adalah 30,003 kematian iaitu pada kadar 1.19% dari jumlah kes kumulatif sebanyak 2,525,211 kes. Bilangan kematian mengikut status vaksinasi adalah seperti berikut:

- i. Belum divaksinasi: 20,075 kematian (66.9%)
- ii. Tidak lengkap vaksinasi: 5,822 kematian (19.4%)
- iii. Lengkap vaksinasi (*breakthrough infections*): 4,106 kematian (13.7%). Daripada jumlah tersebut, seramai 3,604 (87.8%) kematian mempunyai komorbid.

2. Mengikut pelaporan kematian COVID-19 Kebangsaan, sehingga 1 Disember 2021, bilangan kematian disebabkan oleh jangkitan semula COVID-19 (*reinfection*) di Malaysia adalah 20 kematian (0.71%) daripada 2,805 kes. Bilangan kematian dalam kalangan yang mendapat jangkitan semula COVID-19 (*reinfection*) mengikut status vaksinasi adalah seperti berikut:

- i. Belum divaksinasi: 14 kematian (70%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12 kematian (85.7%) mempunyai komorbid.
- ii. Tidak lengkap vaksin: 3 kematian (15%). Kesemua kematian mempunyai komorbid.
- iii. Lengkap vaksinasi : 3 kematian (15%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2 kematian (66.7%) mempunyai komorbid.

Sekian, terima kasih.